

UMS bantu jana transformasi pembangunan pesat di Sabah

➔ Kewujudan universiti awam bantu penduduk sekitar nikmati lonjakan ekonomi, taraf hidup

BH 2.9.2016 II

Oleh Willie Jude Junaidi
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) membantu menjana transformasi pembangunan pesat dalam tempoh yang sangat pantas di Sabah, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata, sejak kewujudan UMS di Sabah pada tahun 1994, pembangunan dan kemajuan negeri ini bergerak seiring demi menampung keperluan ekonomi dan sosial pelajar, selain implikasi positif iaitu memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup serta ekonomi masyarakat sekitarnya.

Sehubungan itu, Musa yang juga



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching (empat dari kanan) bersama Mohd Harun bersalaman dengan pelajar baharu UMS selepas Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Sesi 2016/2017 di Kota Kinabalu, semalam.

Pro Canselor UMS berkata, kerajaan negeri akan terus memberi kerjasama kepada universiti awam (UA) berkenaan dalam membantu segala usaha ke arah kemajuan dan peningkatan tahap pendidikan tinggi negara.

Pusat kecemerlangan

“Sesuai visi menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi di rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2020, kerajaan membangun serta mewujudkan persekitaran pendidikan tinggi yang mampu mewujudkan pusat ilmu unggul dan menghasilkan graduan berdaya saing, berinovasi serta berakhhlak mulia.

“Ini demi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir untuk negara dan antarabangsa,” katanya sem-

pena Majlis Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Sesi 2016/2017 di Dewan Canselor UMS, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Musa berkata, pelajar baharu UMS perlu menetapkan matlamat dan sasaran masing-masing, iaitu untuk bergraduan dalam masa ditetapkan.

“Jika kita mempunyai objektif dan hala tuju yang jelas, tidak mustahil segala diimpikan akan tercapai.

“Inilah yang membézakan suasana pembelajaran di sekolah dan universiti. Di universiti, jika malas berusaha, anda akan gagal dan ketinggalan dengan rakan lain,” katanya sambil mengajak pelajar baharu UMS untuk bersama menjaga

dan memelihara kemerdekaan, kedaulatan serta kemakmuran negara.

4,579 pelajar baharu UMS lafaz ikrar

Terdahulu, Mohd Harun berkata, seramai 4,579 pelajar baharu melafazkan ikrar sebagai mahasiswa UMS.

“Tahniah diucapkan kepada pelajar baharu kerana berjaya melanjutkan pengajian ke menara gading. Anda telah sampai ke destinasi impian, tinggal lagi kini harus ‘mendaki’ untuk mencapai cita-cita.

“Pastinya sepanjang pendakian itu, banyak dugaan dan cabaran yang dihadapi namun begitulah ibaratnya hidup sepanjang bergegar mahasiswa,” katanya.